

٣٩٧٥- حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ مُحَمَّدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا هِشَامُ بْنُ عُزْرَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا لِلزُّبَيْرِ يَوْمَ الْيَرْمُوكِ أَلَا تَشُدُّ فَتَشُدُّ مَعَكَ فَقَالَ إِنِّي إِنْ شَدَدْتُ كَذَبْتُمْ فَقَالُوا لَا نَفْعُ فَحَمَلَ عَلَيْهِمْ حَتَّى شَقَّ صُفُوفَهُمْ فَجَاوَزَهُمْ وَمَا مَعَهُ أَحَدٌ ثُمَّ رَجَعَ مُقْبِلًا فَأَخَذُوا بِلِحَامِهِ فَضَرَبُوهُ ضَرْبَتَيْنِ عَلَى عَاتِقِهِ بَيْنَهُمَا ضَرْبَةٌ ضَرَبَهَا يَوْمَ بَدْرٍ قَالَ عُزْرَةُ كُنْتُ أُدْخِلُ أَصَابِعِي فِي تِلْكَ الضَّرَبَاتِ اللَّعْبِ وَأَنَا صَغِيرٌ قَالَ عُزْرَةُ وَكَانَ مَعَهُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ الزُّبَيْرِ يَوْمَئِذٍ وَهُوَ ابْنُ عَشْرِ سِنِينَ فَحَمَلَهُ عَلَى فَرَسٍ وَوَكَّلَ بِهِ رَجُلًا

3975- Ahmad bin Muhammad⁷⁵ meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Abdullah (bin al-Mubaarak al-Marwazi) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin 'Urwah meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya ('Urwah), bahawa ada beberapa orang sahabat Rasulullah s.a.w. pernah berkata kepada az-Zubair pada hari (berlakunya perang di) Yarmuk: "Kalau engkau serbu (pihak musuh), kami akan serbu bersamamu." Kata az-Zubair: "Kalau aku betul-betul menyerbu mereka, nanti kamu mungkir."⁷⁶ Kata mereka: "Tidak, kami tidak akan mungkir." Lalu az-Zubair menyerbu sehingga membelah saf-saf mereka dan melepasi mereka. Tidak ada siapa pun (turut menyerbu) bersamanya pada ketika itu. Kemudian beliau berpatah balik. Mereka (pihak musuh) melepaskan dua tetakan di pundaknya setelah memegang tali kekang (kendali) kudanya. Di antara dua tetakan itu sudah sedia ada satu kesan (parut) tetakan yang diperolehi beliau pada hari Badar.⁷⁷ Kata 'Urwah: "Aku dahulu semasa kecil, selalu bermain-main dengan

⁷⁵ Para ulama Riyaal Hadits berbeda pendapat tentang Ahmad bin Muhammad, guru Bukhari ini. Kata ad-Daraquthni, beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Tsabit yang dikenali dengan Ibnu Syabbawaih. Al-Hakim Abu 'Abdillah dan Abu Nashr al-Kalaabazi pula berkata, beliau ialah Ahmad bin Muhammad bin Musa Abu al-'Abbaas al-Marwazi yang dikenali dengan Mardawaih. Al-Kalaabazi cuma menambahkan as-Simsaar (sebagai salah satu sifatnya). Al-Mizzi, al-'Aini dan lain-lain mentarjihkan pendapat kedua. Beliaulah yang dimaksudkan di sini.


⁷⁶ Kamu mungkir adalah terjemahan yang dipilih penulis untuk perkataan كَذَبْتُمْ. Perkataan كَذَبَ dalam bahasa 'Arab umum dan hadits-hadits Nabi s.a.w. selalunya dipakai dengan erti berdusta. Namun begitu kadang-kadang ia juga dipakai dengan erti mungkir, tersalah, tidak tepat, menyalahi kenyataan dan lain-lain. Hafiz Ibnu Hajar berkata: "Orang-orang Hijaz menggunakan perkataan كَذَبَ dengan erti sesuatu berita atau cerita yang tidak menepati kenyataan." Al-'Aini dan al-Qasthallaani juga mentafsirkan perkataan كَذَبْتُمْ di sini dengan أَخْلَفْتُمْ (kamu mungkir).

⁷⁷ Di sini timbul kemusykilan tentang bilangan tetakan yang sebenarnya. Berdasarkan riwayat 'Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam ini, ada tiga kesan (parut) tetakan di pundak az-Zubair. Dua daripadanya diperolehi Zubair pada hari Yarmuk dan satu daripadanya pada hari

Badar. Kesan (parut) tetakan pada hari Badar terletak di antara dua kesan (parut) tetakan pada hari Yarmuk. Ini bererti ketiga-tiga tetakan telah mengenai pundak beliau. Sedangkan mengikut riwayat Ma'mar daripada Hisyam sebelum ini (lihat hadits no:3973), az-Zubair terkena dua tetakan pada hari Badar dan satu saja pada hari Yarmuk. Kesan tetakan dengan pedang di pundaknya pula tersebut hanya satu sahaja. Zahir kedua-dua riwayat itu nampaknya bercanggah dan saling bertentangan. Mana satu daripadanya yang lebih tepat atau adakah kedua-duanya masih boleh dijama'? Para ulama hadits telah memilih jalan penyelesaian yang berbeza dalam usaha mereka menghilangkan pertentangan dan percanggahan di antara dua riwayat itu:

(1) Menurut Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan al-Qasthallaani, memang dua riwayat itu bercanggah. Oleh kerana 'Abdullah bin al-Mubaarak lebih kuat daripada Ma'mar, riwayat beliau yang patut ditarikhkan. Apa lagi para ulama juga mempertikaikan hadits Ma'mar daripada Hisyam tersebut. Dengan itu dapatlah disimpulkan bahawa ketiga-tiga tetakan telah mengenai pundak az-Zubair. Dua daripadanya diperolehi beliau pada hari Yarmuk dan satu daripadanya pada hari Badar.

(2) Hafiz Ibnu Hajar dan al-'Aini juga mengemukakan satu andaian lain yang dapat menjama' kedua-dua riwayat berkenaan. Kata mereka, mungkin juga az-Zubair telah terkena lima pukulan kesemuanya. Tiga daripadanya dengan pedang dan dua dengan lembing misalnya. Riwayat Ma'mar daripada Hisyam menceritakan kesan (parut) tiga pukulan berupa tetakan dengan pedang. Satu daripadanya di pundak az-Zubair dan dua lagi bukan di pundak. Kesan (parut) tetakan di pundak adalah akibat terkena pedang dalam perang Badar. Kesan tetakan atau tikaman bukan di pundak pula satunya akibat terkena dalam perang Badar dan satu lagi akibat terkena dalam perang Yarmuk. Riwayat 'Abdullah bin al-Mubaarak dengan jelas menyebutkan ada tiga kesan pukulan (tetakan atau tikaman) di pundak az-Zubair. Dua daripadanya kerana terkena lembing atau lain-lain senjata misalnya. Di antara dua kesan (parut) kerana terkena lembing itu pula ada satu kesan tetakan dengan pedang. Kesan tetakan dengan pedang itu diperolehi az-Zubair pada hari peperangan Badar. Kesimpulannya, parut akibat terkena pukulan (tetakan atau tikaman) pada hari Yarmuk ada tiga kesemuanya. Dua daripadanya di pundak dan satu lagi bukan di pundak. Dua parut di pundak itu adalah akibat terkena lembing misalnya dan satu parut yang bukan di pundak pula adalah akibat terkena pedang. Parut akibat terkena pukulan pada hari Badar pula ada dua. Satu daripadanya di pundak dan satu lagi bukan di pundak. Kedua-duanya akibat terkena pedang. Gambar rajah berikut mudah-mudahan dapat menjelaskan lagi kedudukan kesan-kesan pukulan, sama ada berupa tetakan atau tikaman pada hari Badar dan Yarmuk di tubuh az-Zubair:



Dengan menerima az-Zubair telah terkena lima pukulan dan kesemuanya meninggalkan parut, dapat dijama' kedua-dua riwayat Ma'mar daripada Hisyam dan 'Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam tadi. Kedua-dua riwayat tersebut tidak akan kelihatan bercanggah lagi.

(3) Al-Kirmaani berpendapat, apa yang nyata daripada riwayat Ma'mar ialah satu daripada kesan tetakan dengan pedang itu adalah di pundak az-Zubair. Apa yang nyata daripada riwayat


memasukkan jari jemariku ke dalam (belahan) kesan-kesan tetakan itu.”⁷⁸ Kata ‘Urwah (lagi): “‘Abdullah bin az-Zubair yang berumur sepuluh tahun pada ketika itu ada



‘Abdullah bin al-Mubaarak pula ialah ketiga-tiga parut akibat ditetak atau ditikam dengan apa senjata sekalipun adalah di pundak beliau. Jawapan mudah untuk merungkai kekusutan ialah dengan mengatakan, mafhum ‘adad dalam penggunaan orang-orang ‘Arab bukanlah suatu yang mu’tabar. Dengan erti apabila sesuatu bilangan disebut, tidaklah semestinya ia menafikan langsung bilangan yang lain atau ia mesti benar-benar terikat dengan mafhum bilangan yang ma’lum. Kalau riwayat Ma’mar menyebutkan adanya satu kesan atau parut di pundak az-Zubair akibat tetakan dengan pedang, ia tidak bererti tiada sama sekali parut lain di situ akibat ditetak atau ditikam dengan senjata-senjata lain! Bukankah di sana terdapat satu qaedah usul yang berbunyi: ذكر العدد الأقل لا ينفي الأكثر (sebut bilangan yang sedikit tidak semestinya bererti menafikan bilangan yang banyak). Jadi tiada lagi pertentangan dan percanggahan di antara riwayat Ma’mar daripada Hisyam dan riwayat ‘Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam.

(4) Al-Kirmaani juga mengemukakan satu jawapan andaian yang lain, iaitu yang dimaksudkan oleh riwayat Ma’mar daripada Hisyam bahawa kata ‘Urwah: “Salah satu daripada kesan tetakan dengan pedang itu adalah di pundak az-Zubair” ialah kesan atau parut yang terdapat betul-betul di tengah pundak az-Zubair. Adapun dua lagi kesan tetakan yang tersebut di dalam riwayat ‘Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam, itu tidaklah berada betul-betul di tengah pundak beliau.

(5) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi pula berpendapat, az-Zubair sebenarnya telah terkena empat tetakan. Kesemuanya di atas pundak. Dua dalam perang Badar dan dua lagi dalam perang Yarmuk. Ketika perawi (‘Urwah) bermaksud menyatakan keberanian dan kehandalan az-Zubair dalam perang Badar, disebutkan dua tetakan yang mengenai beliau dalam perang itu. Adapun tetakan yang mengenai beliau dalam perang Yarmuk, itu disebut satu sahaja. Ketika perawi (‘Urwah) bermaksud menyatakan keberanian dan kehandalan az-Zubair dalam perang Yarmuk pula, disebutkan dua tetakan yang mengenai beliau dalam perang itu. Adapun tetakan yang mengenai beliau dalam Badar, perawi berpada dengan menyebutkan satu sahaja daripadanya. Itu saja sebenarnya perbezaan di antara riwayat Ma’mar daripada Hisyam dan riwayat ‘Abdullah bin al-Mubaarak daripada Hisyam. Gambar rajah berikut mudah-mudahan dapat menjelaskan kedudukan tempat terkena tetakan itu:



Pada kenyataan ‘Urwah inilah juga terletak kesesuaian hadits 3975 di atas dengan bab 8 yang bertajuk بَابُ قَتْلِ أَبِي جَهْلٍ. Bagaimanapun ia terta’luk kepada tambahan perkataan وغيره seperti yang terdapat di dalam sesetengah nuskah Sahih Bukhari menurut al-Hafiz al-‘Aini. Tanpa adanya tambahan itu tidak akan kelihatan juga apa-apa kesesuaian di antaranya dengan tajuk bab berkenaan. Untuk lebih jelas, sekali lagi lihat nota no:44 yang lalu. Bukankah di dalam hadits ini tersebut di pundak az-Zubair ada satu parut akibat ditetak dengan pedang dalam perang Badar? Kalau begitu, ia dengan sendirinya menunjukkan beliau telah ikut serta dalam perang Badar.

bersamanya.⁷⁹ Beliau (az-Zubair) membiarnya mengenderai kuda dan menyerahkannya kepada seseorang.”⁸⁰

⁷⁸ Oleh kerana tetakan-tetakan yang mengenai pundak az-Zubair agak dalam, ia kemudiannya meninggalkan kesan-kesan parut terbelah dan berlurah, sehingga 'Urwah semasa kecil dapat memasukkan jari jemarinya ketika bermesra dengan ayahnya.

⁷⁹ Kenyataan 'Urwah bahawa 'Abdullah bin az-Zubair juga telah turut serta dalam peperangan Yarmuk, padahal umur beliau pada ketika itu dikatakan baru 10 tahun, tidakkah menarik perhatian anda? Kerana seperti sedia dima'lumi, Nabi s.a.w. dalam peperangan-peperangan yang dilancarkan Baginda tidak pernah membenarkan para sahabat di bawah umur 15 tahun menyertainya. Bagaimana pula az-Zubair boleh membawa anaknya 'Abdullah bersama untuk menyertai perang Yarmuk? Perlu sekali diketahui bahawa sering kali dalam periwayatan hadits berlaku apa yang dinamakan tasaamuh (bersikap mudah) dari pihak perawi. Dalam keadaan itu ia tidak lagi menggambarkan realiti sebenar. Ketetapan Rasulullah s.a.w. itu bukan sahaja terpakai di zaman Baginda, malah ia tetap menjadi panduan kepada para sahabat selepas kewafatan Baginda. Maka semestinya kenyataan-kenyataan yang mengandungi unsur tasaamuh itu dianalisa sebaik mungkin agar tidak disalah faham oleh orang-orang yang tidak cukup persiapan ilmunya. Lalu sahabat dituduh sewenang-wenang menyalahi Sunnah Nabi s.a.w. atau dianggap sesuatu ketetapan (berupa hukum) Nabi telah dimansuhkan secara semberono saja. Semata-mata dengan melihat kepada satu perbuatan sahabat selepas kewafatan Nabi s.a.w. yang berlawanan dengan perbuatan Baginda semasa hayatnya! Untuk memastikan sama ada sesuatu riwayat itu mengandungi unsur tasaamuh atau tidak anda mestilah menilainya berdasarkan realiti sebenar. Apa yang merupakan realiti dalam soal ini ialah tarikh kelahiran 'Abdullah bin az-Zubair. Para ulama bersepakat tentang beliau adalah anak kalangan Muhajirin yang pertama dilahirkan setelah Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah. Beliau adalah anak kelahiran tahun 1 Hijrah. Perang Yarmuk menurut Saif bin 'Umar berlaku pada tahun ke 13 Hijrah sebelum pena'lukan Dimasyq. Pendapat Saif ini diikuti Muhammad bin Jarir at-Thabari. Jumhur ulama pula berpendapat ia berlaku pada tahun ke 15 Hijrah selepas pena'lukan Dimasyq. Antara tokoh ulama hadits dan sejarawan yang berpendapat perang Yarmuk berlaku pada tahun ke 15 Hijrah ialah al-Laits bin Sa'ad, Ibnu Hibbaan, Ibnu Lahi'ah, Abu Ma'syar, al-Walid bin Muslim, Yazid bin 'Ubaidah, Khalifah bin Khayyaath, Ibnu al-Kalbi, Muhammad bin 'Aa'iz, al-Waaqidi (Muhammad bin 'Umar), Muhammad bin Ishaq, Ibnu 'Asaakir, az-Zahabi, Ibnu Katsir, al-'Aini dan lain-lain. Ibnu 'Asaakir berkata, pendapat inilah yang mahfuz (betul). (Lihat Ibnu Katsir- al-Bidayah Wa an-Nihaayah j.7 m/s 7 & 72, Ibnu 'Asaakir- Taarikh Madinati Dimasyq j.2 m/s 141-142). Kerana hadits ini Hafiz Ibnu Hajar lebih menyokong pendapat golongan pertama yang mengatakan perang Yarmuk berlaku pada tahun ke 13 Hijrah. Umur 'Abdullah bin az-Zubair yang turut serta dalam perang itu menurut hadits ini adalah 10 tahun. Barangkali Hafiz Ibnu Hajar menyimpulkan, kalau umur 'Abdullah pada tahun berlakunya perang Yarmuk 10 tahun, maka yang lebih hampir dengan umur 'Abdullah itu ialah tahun ke 13 Hijrah. Tetapi, bukankah tidak tepat juga umur 'Abdullah 10 tahun pada tahun ke 13 Hijrah? Kalau beliau lahir pada tahun 1 Hijrah, tentunya pada tahun ke 13 Hijrah umur beliau 13 tahun, bukan 10 tahun! Kata Hafiz Ibnu Hajar, dikatakan 10 tahun bukan 13 (menurut Hafiz Ibnu Hajar 12 tahun) tahun adalah berdasarkan qaedah الغاء الكسر (tidak mengambil kira bilangan pecahan). Tetapi, bukankah qaedah yang sama boleh juga

٣٩٧٦- حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مُحَمَّدٍ سَمِعَ رَوْحَ بْنَ عُبَادَةَ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ أَبِي عَرُوبَةَ عَنْ قَتَادَةَ قَالَ ذَكَرَ لَنَا أَنَسُ بْنُ مَالِكٍ عَنْ أَبِي طَلْحَةَ أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ يَوْمَ بَدْرٍ بِأَرْبَعَةِ وَعِشْرِينَ رَجُلًا مِنْ صَنَادِيدِ قُرَيْشٍ فُقِّدُوا فِي طَوِيِّ مِنْ أَطْوَاءِ بَدْرٍ خَبِيثٍ مُخْبِثٍ وَكَانَ إِذَا ظَهَرَ عَلَى قَوْمٍ أَقَامَ بِالْعَرَصَةِ ثَلَاثَ لَيَالٍ فَلَمَّا كَانَ يَبْدُرُ الْيَوْمَ الثَّلَاثِ أَمَرَ بِرَاحِلَتِهِ فَشَدَّ عَلَيْهَا رَحْلَهَا ثُمَّ مَشَى وَاتَّبَعَهُ أَصْحَابُهُ وَقَالُوا مَا نُرَى يَنْطَلِقُ إِلَّا لِيَعُضَّ حَاجَتِهِ حَتَّى قَامَ عَلَى شَفَةِ الرَّكِيِّ فَجَعَلَ يُنَادِيهِمْ بِأَسْمَائِهِمْ وَأَسْمَاءِ آبَائِهِمْ يَا فُلَانُ بْنُ فُلَانٍ وَيَا فُلَانُ بْنُ فُلَانٍ أَيْسَرُكُمْ أَنْكُمْ أَطْعَمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ فَإِنَّا قَدْ وَجَدْنَا مَا وَعَدْنَا رَبَّنَا حَقًّا فَهَلْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا قَالَ فَقَالَ عُمَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا تَكَلَّمُ مِنْ أَجْسَادٍ لَا أَرْوَاحَ لَهَا فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالَّذِي نَفْسُ مُحَمَّدٍ بِيَدِهِ مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعَ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ قَالَ قَتَادَةُ أَحْيَاهُمْ اللَّهُ حَتَّى أَسْمَعُهُمْ قَوْلَهُ تَوْبِيخًا وَتَنْصِيحًا وَنَقِيمَةً وَخَسْرَةً وَنَدَمًا

3976- `Abdullah bin Muhammad (al-Musnadi) meriwayatkan kepadaku, beliau mendengar Rauh bin `Ubaadah meriwayatkan, katanya: Sa'id bin Abi `Arubah meriwayatkan kepada kami daripada Qataadah, katanya: Anas bin Malik menyebutkan kepada kami, diambilnya cerita ini daripada Abi Thalbah (Zaid bin Sahal al-Anshaari);

diguna pakai andaikata anda mengatakan umur `Abdullah pada tahun berlakunya perang Yarmuk adalah 15 tahun? Selain ia menepati realiti dan tidak menyebabkan timbul pertentangan dengan Sunnah Nabi s.a.w., ia juga sesuai dengan pendapat golongan kedua yang mengatakan perang Yarmuk berlaku pada tahun ke 15 Hijrah. Al-`Aini di dalam `Umdat al-Qaari juga telah mengguna pakai qaedah إلقاء الكسر (tidak mengambil kira bilangan pecahan) itu. Sedangkan beliau juga termasuk dalam kalangan ulama hadits yang berpendapat perang Yarmuk berlaku pada tahun ke 15 Hijrah.

⁸⁰ Tujuan az-Zubair menyerahkan anaknya `Abdullah supaya dijaga seseorang ialah kerana takut anaknya yang berani dan bersemangat itu turut menyerbu musuh bersamanya. Padahal ia belum cukup berpengalaman di medan perang. Al-Baihaqi dengan sanadnya meriwayatkan daripada Abdullah bin a-Mubaarak daripada Hisyam bin `Urwah daripada ayahnya daripada `Abdullah bin az-Zubair, beliau meriwayatkan bahawa pada hari perang Yarmuk beliau ikut serta bersama bapanya, setelah orang-orang musyrikun menerima kekalahan, beliau dengan menaiki kenderaannya (kudanya) pergi menamatkan riwayat (membunuh) musuh-musuh yang telah tercedera dan mendapat luka. Lihatlah riwayat al-Baihaqi itu selengkapnya dibawah ini:

أَخْبَرَنَا أَبُو الْحُسَيْنِ بْنُ بِشْرَانَ بِبَعْدَادَ أَخْبَرَنَا أَبُو عَمْرٍو بْنُ السَّمَاكِ حَدَّثَنَا حَنْبَلُ بْنُ إِسْحَاقَ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مَهْدِيٍّ حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ أَخْبَرَنَا هِشَامُ بْنُ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الزُّبَيْرِ أَنَّهُ كَانَ مَعَ أَبِيهِ يَوْمَ الْيَرْمُوكِ فَلَمَّا انْهَزَمَ الْمُشْرِكُونَ وَحُمِلَ فَجَعَلَ يُجْهِزُ عَلَى جِرْحَاهُمْ. Riwayat ini sedikit sebanyak menunjukkan sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh `Abdullah bin az-Zubair dan anak-anak muda lain yang sebaya dengan beliau dalam peperangan.

bahawa sesungguhnya Nabi s.a.w. telah memerintahkan pada hari Badar agar dua puluh empat orang ketua kafir Quraisy dicampakkan ke dalam salah satu telaga buruk yang sangat kotor pada hari Badar. Kebiasaan Nabi s.a.w. apabila telah mengalahkan mana-mana musuhnya di sesuatu tempat, Beliau s.a.w. akan berada di situ selama tiga malam. Bila tiba hari ketiga di Badar, Nabi s.a.w. memerintahkan supaya kenderaannya disiapkan (untuk dinaiki). Kemudian Baginda s.a.w. berjalan di iringi para sahabat. Fikir mereka (para sahabat), tentunya Nabi s.a.w. berangkat untuk sesuatu hajat Baginda. Sehingga Nabi s.a.w. berdiri di tepi telaga buruk tadi, lalu menyeru mereka dengan menyebut nama-nama mereka bersama nama bapa-bapa mereka dengan kata Baginda s.a.w.: “Wahai fulan bin fulan, wahai fulan bin fulan.”⁸¹ Adakah sekarang kamu tidak berasa suka kalau dahulu kamu menta’ati Allah dan RasulNya? Sesungguhnya kami telah mendapati benar apa yang telah dijanjikan kepada kami oleh Tuhan kami. Apakah kamu telah mendapati benar apa yang dijanjikan kepadamu oleh Tuhanmu?” Kata perawi: “Maka berkatalah ‘Umar: “Wahai Rasulallah! Kenapakah Tuan bercakap dengan tubuh-tubuh yang tidak bernyawa itu?” Mendengar kata-kata ‘Umar itu Rasulullah s.a.w. bersabda: “Demi Tuhan yang nyawa Muhammad berada di tanganNya, kamu tidak lebih

⁸¹ Di dalam riwayat Muslim, Ahmad, an-Nasaa’i dan Abu Ya’la daripada Anas tersebut dengan jelas nama-nama ketua kafir Quraisy yang diseru Rasulullah s.a.w. itu. Berikut adalah lafaz riwayat Muslim: حَدَّثَنَا هَدَّابُ بْنُ خَالِدٍ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ سَلَمَةَ عَنْ ثَابِتِ بْنِ أَنَسٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَكَ قَتْلَى بَدْرٍ ثَلَاثًا ثُمَّ أَتَاهُمْ فَقَامَ عَلَيْهِمْ فَنَادَاهُمْ فَقَالَ يَا أَبَا جَهْلٍ يَا هِشَامُ يَا أُمَيَّةُ بْنُ خَلْفٍ يَا عُتْبَةَ بْنُ رَبِيعَةَ يَا شَيْبَةَ بْنَ رَبِيعَةَ أَلَيْسَ قَدْ وَجَدْتُمْ مَا وَعَدَ رَبُّكُمْ حَقًّا فَإِنِّي قَدْ وَجَدْتُ مَا وَعَدَنِي رَبِّي حَقًّا فَسَمِعَ عُمَرُ قَوْلَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يَسْمَعُوا وَأَنَّى يُجِيبُوا وَقَدْ جِئُوا قَالِ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا أَنْتُمْ بِأَسْمَعَ لِمَا أَقُولُ مِنْهُمْ وَلَكِنَّهُمْ لَا يَقْدِرُونَ أَنْ يُجِيبُوا ثُمَّ أَمَرَ بِهِمْ فَسُحِبُوا فَأُلْقُوا فِي قَلْبِ بَدْرٍ Bermaksud: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. meninggalkan orang-orang (kafir Quraisy) yang terbunuh di Badar selama tiga hari. Setelah itu Baginda s.a.w. pergi kepada mereka. Sambil berdiri Baginda s.a.w. menyeru mereka dengan berkata: “Wahai Aba Jahal bin Hisyam! Wahai Umaiyyah bin Khalaf! Wahai ‘Utabah bin Rabi’ah! Wahai Syaibah bin Rabi’ah! Bukankah kamu telah mendapati benar apa yang dijanjikan Tuhanmu? Sesungguhnya aku telah mendapati benar apa yang telah dijanjikan kepadaku oleh Tuhanku. (Kata perawi) Setelah seruan Rasulullah s.a.w. itu didengar oleh ‘Umar, beliau berkata: “Wahai Rasulallah! Bagaimana mereka akan mendengar, bagaimana mereka akan menjawab dalam keadaan mereka telah pun menjadi bangkai?” Jawab Nabi s.a.w.: “Demi Tuhan yang nyawaku berada di tanganNya, kamu tidak lebih mendengar kata-kataku daripada mereka. Cuma mereka tidak mampu menjawab.” Kemudian Baginda s.a.w. memerintahkan supaya mereka diseret dan dicampakkan ke dalam sebuah telaga buruk di Badar.”